



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Gerontologi Asas dan Geriatrik

Mata Pelajaran Vokasional

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Gerontologi Asas dan Geriatrik

**Mata Pelajaran Vokasional
Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

Tingkatan 4 dan 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum	12
Pentaksiran Bilik Darjah.....	15

Organisasi Kandungan.....	18
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	
1.0 Pengenalan Kepada Gerontologi Asas dan Geriatrik.....	25
2.0 Proses Penuaan.....	29
3.0 Persekitaran Mesra dan Selamat Warga Emas.....	33
4.0 Keperluan Asas Fizikal Warga Emas.....	35
5.0 Perkhidmatan Warga Emas.....	40
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	
6.0 Saringan dan Penilaian Asas Warga Emas.....	47
7.0 Pengurusan Geriatrik.....	50
8.0 Projek Keusahawanan.....	54
Panel Penggubal.....	58
Penghargaan.....	59



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Gerontologi Asas dan Geriatrik merupakan mata pelajaran elektif dalam kelompok Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM) yang digubal untuk menyediakan murid yang berpengetahuan dan berkemahiran dengan asas profesional bidang pekerjaan vokasional seiring dengan perkembangan teknologi dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik berfokus kepada bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas yang menekankan pengetahuan teknikal, kemahiran keboleherjaan serta nilai dan etika profesional bagi memupuk keseimbangan dalam pembangunan dan kemajuan negara. Pendedahan kepada perkembangan teknologi baharu dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas di samping mengamalkan peraturan keselamatan dan budaya kerja selamat.

Kandungan baharu KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik mampu melengkapkan murid dengan kemahiran asas yang diperlukan bagi mendepani cabaran Revolusi Industri ke-4. Kemahiran ini diperlukan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas untuk memacu ekonomi Malaysia.

Penggubalan kurikulum ini diselarikan dengan konsep KSSM sedia ada bagi memberi peluang kepada murid untuk mengalami pembelajaran secara inkuiri yang melibatkan perbincangan, penaakulan dan membuat refleksi melalui kerja projek atau amali ke arah melahirkan insan yang mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan berorientasikan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dengan hasrat membentuk minda murid membudayakan amalan teknologi hijau dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas dalam kehidupan seharian supaya selari dengan perkembangan cabaran abad ke-21 yang mementingkan alam sekitar.

PdP dilaksanakan secara bersepadu merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai pelbagai bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas seiring dengan perkembangan seimbang intelek, emosi, rohani dan jasmani. KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik mengambil kira pemerhatian, maklum balas dan pengalaman melalui proses PdP bagi membolehkan artikulasi ke peringkat tertiar.

MATLAMAT

KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik bermatlamat untuk menyediakan murid yang berilmu pengetahuan, berkemahiran serta mempunyai nilai dan etika profesional dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas sebagai persediaan murid melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar atau menceburi kerjaya yang dapat menyumbang kepada keperluan tenaga mahir industri ke arah pembangunan dan kemajuan negara.

OBJEKTIF


KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui dan mengamalkan pengurusan, peraturan keselamatan dan amalan kerja selamat dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
2. Menggalakkan kemahiran komunikasi berkesan dan penyelesaian masalah semasa menjalankan aktiviti berkaitan bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
3. Memperoleh kefahaman tentang proses penuaan secara holistik untuk menangani stigma sosial terhadap warga emas.
4. Mengaplikasi kemahiran dalam mengendalikan bahan, alatan dan kelengkapan berkaitan bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
5. Mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas sejajar dengan perkembangan industri dan teknologi baharu.
6. Mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, nilai dan etika dalam menghasilkan dokumentasi berkaitan bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
7. Melaksanakan amalan kerja yang baik dan mengikut prosedur penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
8. Memperoleh pengetahuan tentang sistem perkhidmatan sosial dan kesihatan warga emas di Malaysia untuk mewujudkan tanggungjawab sosial ke arah pemupukan identiti nasional.
9. Bertanggungjawab ke arah kelestarian alam sekitar dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
10. Mengamalkan nilai murni semasa menjalankan aktiviti berkaitan penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
11. Membangunkan potensi sebagai seorang usahawan melalui penghasilan rancangan perniagaan dan projek keusahawanan.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian; Sikap dan Nilai Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan

membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik berfokus kepada pengetahuan asas penjagaan sosial dan kesihatan warga emas, kemahiran penjagaan warga emas serta nilai dan etika profesional kepada murid. Kurikulum standard MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik mencakupi bidang Gerontologi, Geriatrik dan Keusahawanan.

Bidang Gerontologi memberi penekanan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai tentang pengurusan penjagaan warga emas, psikososial dan perkhidmatan sokongan dengan mengaplikasi etika kerja mengikut prosedur di samping mengamalkan peraturan keselamatan dan budaya kerja selamat.

Bidang Geriatrik menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penjagaan kesihatan warga emas yang mencakupi keperluan asas fizikal warga emas seperti kebersihan diri, pemakanan warga emas, eliminasi dan kesihatan tidur.

Kurikulum ini juga memberi pendedahan kepada murid untuk melaksanakan saringan dan penilaian asas warga emas seperti tekanan darah, denyutan nadi, suhu badan dan kadar pernafasan. Di samping itu, murid diberi pendedahan berkaitan masalah

pengurusan kesihatan warga emas seperti mobiliti, insiden jatuh dan demensia.

Manakala bidang Keusahawanan memberi pendedahan kepada murid untuk menjadi usahawan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki nilai serta etika profesional dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas yang berdaya saing.

KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik juga memberi persediaan asas kepada murid untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyzoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Terdapat beberapa strategi PdP yang boleh diguna pakai oleh guru dalam proses PdP supaya murid melalui pembelajaran secara mendalam. Antara strategi PdP yang boleh digunakan dalam PdP KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik adalah seperti yang berikut:

Pembelajaran Kendiri

Pembelajaran kendiri ini terdiri daripada empat pendekatan iaitu Terarah Kendiri, Kadar Kendiri, Akses Kendiri, dan Taksir Kendiri.

Strategi ini berfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Melalui KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik, strategi ini boleh dilaksanakan, contohnya, dengan menggunakan peralatan, bahan dan teknologi tertentu, murid boleh menentukan bentuk produk yang hendak dihasilkan mengikut kadar kemampuan sendiri, mampu mengakses sendiri, malah dapat mentaksir pembelajaran sendiri. Strategi ini membolehkan murid menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran, lebih yakin dan tekun untuk mencapai standard pembelajaran yang dihasratkan.

Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif merupakan pendekatan yang mementingkan kerjasama dan mengkehendaki murid menyampaikan idea dalam kumpulan kecil. Pendekatan ini boleh dilaksanakan guru dengan memberi tugas kepada kumpulan-kumpulan yang telah dikenal pasti. Melalui KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik murid boleh bertukar pendapat atau idea semasa dalam aktiviti PdP secara kumpulan. Semua ahli kumpulan akan menyumbang dengan aktifnya pengetahuan, pendapat, kemahiran dan menyelesaikan masalah bersama.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu model aktiviti bilik darjah yang berbeza dari kebiasaan. Pendekatan aktiviti pembelajaran ini mempunyai jangkamasa yang panjang, mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu, berpusatkan murid dan menghubungkan pengamalan kehidupan sebenar. Projek ditakrifkan sebagai tugas, pembinaan atau siasatan yang teratur yang menjurus kepada matlamat yang spesifik. Dalam KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik, murid beroleh pengetahuan dan kemahiran semasa proses menyediakan sesuatu projek. Mereka

juga boleh meneroka atau membuat kajian terhadap projek melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan satu pendekatan di mana murid membina pengetahuan dan kefahaman sendiri melalui penyiasatan dan penerokaan berasaskan pengetahuan sedia ada. Pelaksanaan pembelajaran ini adalah melalui pelbagai pendekatan seperti pembelajaran berasaskan projek, penyiasatan saintifik, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif bagi melahirkan murid yang berilmu dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi. Proses PdP berasaskan inkuiri berfokus kepada *learning by doing* yang melibatkan murid melaksanakan aktiviti penerokaan, penyiasatan, penyoalan, berfikir secara reflektif dan penemuan ilmu baharu.

Pembelajaran ini membolehkan murid mengaplikasikan kemahiran berfikir seperti mengingat, mengapikasi, menganalisis, mensintesis, membuat ramalan dan menilai suatu perkara atau tugas. Pendekatan ini mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta meningkatkan kefahaman tentang suatu konsep dan kemahiran.

Melalui pembelajaran berasaskan inkuiri, murid diberi pendedahan dan pengetahuan tentang kaedah membuat refleksi, memantau keupayaan menggunakan suatu strategi, kemahiran membuat keputusan dan tindakan susulan.

Pembelajaran berasaskan inkuiri sesuai digunakan semasa PdP KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik bagi unit yang memerlukan murid menghasilkan suatu reka bentuk projek. Guru akan memberi suatu senario kes yang memerlukan murid berbincang dan mengenal pasti masalah yang perlu diselesaikan melalui cadangan reka bentuk produk. Aktiviti ini dapat melatih murid membentuk konsep, mengumpulkan fakta, merangsang kemahiran berfikir aras tinggi, mempraktikkan kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran membuat keputusan.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pembelajaran berasaskan masalah merupakan satu kaedah penyelesaian berasaskan masalah sebenar dan murid dapat menyelesaikan masalah dengan keupayaan mereka sendiri. Kaedah ini boleh dijalankan secara kolaboratif dan berpusatkan murid. Murid perlu kenal pasti masalah, cari kaedah penyelesaian, laksanakan operasi penyelesaian masalah dan menilai kaedah penyelesaian masalah yang digunakan. Kaedah ini akan melibatkan murid untuk membuat keputusan dalam menyelesaikan

masalah. Sebagai contoh, murid ingin menyiapkan sesuatu projek dengan menggunakan bahan yang sukar untuk diperolehi. Maka untuk mengatasi masalah itu, murid hendaklah berbincang dengan rakan bagi mencari penyelesaian alternatif bagi mengatasi masalah tersebut. Guru berperanan sebagai fasilitator dengan memberi panduan kepada murid dalam proses penyelesaian sesuatu masalah pada peringkat awal sesuatu projek.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui pendekatan ini murid diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri serta dapat mempertingkatkan tahap penguasaan pembelajaran. Pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu konsep adalah sangat penting bagi memastikan sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan itu dilaksanakan dengan betul. Pelbagai sumber maklumat dapat membantu murid untuk menguasai sesuatu perkara itu terlebih dahulu, contohnya dengan melayari Internet melalui laman web yang terpilih akan dapat membantu murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang spesifik.

Konstruktivisme


Pembelajaran secara konstruktivisme ialah satu kaedah di mana murid dapat membina sendiri pengetahuan atau konsep baru secara aktif berdasarkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman yang telah diperolehi dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui pembelajaran konstruktivisme murid menjadi lebih kreatif dan inovatif. Murid boleh mendapatkan data, maklumat dan pengetahuan mengenai sesuatu perkara itu untuk membina pengetahuan atau konsep yang baru.

Pembelajaran Penerokaan

Pembelajaran Penerokaan membolehkan murid belajar melalui penerokaan berdasarkan pengalaman yang sedia ada. Murid secara aktif mencari dan mengakses maklumat untuk mencapai objektif pembelajaran mereka dalam konteks yang terkawal. Penggunaan komputer dan akses Internet merupakan alat yang paling berkesan dalam menterjemahkan konsep pembelajaran penerokaan memandangkan ianya dapat mencapai maklumat dan pengetahuan dengan cepat bagi membolehkan murid menganalisis dan memproses maklumat yang diinginkan dalam situasi pembelajaran yang berbentuk penyelesaian masalah dan kajian masa depan.

Pendekatan STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics)

Pendekatan STEM ialah PdP yang mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM melalui inkuiri, penyelesaian masalah atau projek dalam konteks kehidupan harian, alam sekitar dan masyarakat tempatan serta global seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Pendekatan STEM dalam PdP

PdP STEM yang kontekstual dan autentik dapat menggalakkan pembelajaran mendalam dalam kalangan murid. Murid boleh bekerja secara berkumpulan atau secara individu mengikut kemampuan murid ke arah membudayakan pendekatan STEM dengan mengamalkan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menyoal dan mengenal pasti masalah.
2. Membangunkan dan menggunakan model.
3. Merancang dan menjalankan penyiasatan.
4. Menganalisis dan mentafsirkan data.
5. Menggunakan pemikiran matematik dan pemikiran komputasional.
6. Membina penjelasan dan mereka bentuk penyelesaian.
7. Melibatkan diri dalam perbahasan dan perbincangan berdasarkan eviden.
8. Mendapatkan maklumat, menilai dan berkomunikasi tentang maklumat tersebut.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:

- (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.
- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantuan komputer.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.

- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan SP dan Standard Prestasi (SPi).
- Merancang tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

Tahap Penguasaan Umum

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras pencapaian yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh merekod perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Jadual 3 menunjukkan Penyataan Tahap Penguasaan Umum.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap	Tafsiran
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh diteladani

Standard Prestasi

PBD dalam KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik bertujuan menilai penguasaan murid secara holistik dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif dengan merujuk kepada SPi. Pentaksiran untuk KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik melalui Pentaksiran Berasaskan Standard dan Pentaksiran Berasaskan Projek.

Pentaksiran Berasaskan Standard bagi KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik ini merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan penyataan SPi yang ditetapkan mengikut tahap penguasaan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum. SPi bagi KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik ini dibina sebagai panduan untuk guru membimbing murid dan seterusnya mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid serta keberkesanan PdP yang dijalankan.

Pentaksiran Berasaskan Projek untuk KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik dilaksanakan untuk mengukur kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Pentaksiran ini akan menilai pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran yang dikelompokkan ke dalam satu projek. Projek ini boleh menjadi projek tunggal pada akhir tempoh pembelajaran atau boleh

dilakukan pada masa yang ditetapkan sepanjang tempoh pembelajaran berlaku. Pentaksiran ini merupakan aktiviti yang memerlukan murid mengaplikasikan atau menggunakan pengetahuan dalam situasi sebenar. Ia dilihat mampu meningkatkan kefahaman murid terhadap suatu ilmu yang dipelajari apabila pengetahuan yang diperolehi bertukar menjadi pengalaman melalui pengaplikasian kepada suatu aktiviti yang bermakna seperti membina model, menghasilkan dokumentasi, dan pembentangan hasil projek. Pentaksiran yang dijalankan hendaklah mencakupi semua SP yang telah ditetapkan.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik perlu ditentukan pada akhir Tingkatan 4 dan 5. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan Tahap Penguasaan Keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid serta perbincangan profesional bersama rakan sejawat. Jadual 4 menunjukkan Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
2	Berupaya memahami pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas serta mampu menterjemah dan menjelaskannya.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas dalam sesuatu situasi yang dihadapi.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik digubal dalam bentuk pernyataan SK, SP dan SPi yang perlu dicapai oleh murid seperti Jadual 5.

Jadual 5: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Dalam organisasi kandungan, terdapat juga lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai SP.

Pelaksanaan bagi KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuat kuasa sekarang. PdP KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik ini dirancang untuk diajar minimum 256 jam setahun di Tingkatan 4 dan 5 masing-masing. Peruntukan jam ini termasuk juga masa untuk menjalankan kerja-kerja tugas, projek, amali, lisan dan pelaporan. Agihan Masa KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik Tingkatan 4 dan 5 seperti Jadual 6 dan 7.

Jadual 6: Agihan Masa KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik Tingkatan 4

TINGKATAN 4		JAM
MODUL		
1.0	Pengenalan Kepada Gerontologi Asas dan Geriatrik	16
2.0	Proses Penuaan	22
3.0	Persekitaran Mesra dan Selamat Warga Emas	12
4.0	Keperluan Asas Fizikal Warga Emas	170
5.0	Perkhidmatan Warga Emas	36
JUMLAH JAM MINIMUM SETAHUN		256

Jadual 7: Agihan Masa KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik Tingkatan 5

TINGKATAN 5		JAM
MODUL		
6.0	Saringan dan Penilaian Asas Warga Emas	66
7.0	Pengurusan Geriatrik	120
8.0	Projek Keusahawanan	70
JUMLAH JAM MINIMUM SETAHUN		256

Kandungan setiap modul disusun mengikut aras kognitif murid iaitu daripada yang mudah kepada sukar. Bagi domain psikomotor, murid melaksanakan aktiviti amali seperti kerja-buat-sendiri, penyenggaraan, penghasilan projek dengan mengikut prosedur kerja yang betul dan beretika. Manakala bagi domain afektif, murid didedahkan kepada aspek apresiasi yang menekankan kepada penghargaan dan penghayatan hasil produk yang mempunyai nilai estetika seperti set simulasi penuaan dan bahan rangsangan untuk pesakit demensia di samping boleh menerima kritikan secara positif dan menerapkan nilai-nilai murni semasa melaksanakan aktiviti PdP.

Proses kerja dalam KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik lebih menekankan pengetahuan, kemahiran, langkah kerja bagi mencapai objektif setiap modul. Pelaksanaan modul KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik adalah secara berturutan bagi memastikan kesinambungan kandungan yang dipelajari oleh murid. Murid yang mengikuti KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik akan lebih terdedah kepada mengaplikasi pengetahuan teras teknikal, kemahiran keboleherjaan dan nilai profesionalisme sepanjang proses PdP. Penerangan setiap modul dalam KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik Tingkatan 4 dan 5 adalah seperti Jadual 8 dan 9.

Jadual 8 : Penerangan Modul KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik Tingkatan 4

Tingkatan 4		
MODUL	PENERANGAN	
1.0	Pengenalan Kepada Gerontologi Asas dan Geriatrik	Murid mempelajari tentang faktor yang mempengaruhi populasi warga emas. Murid juga dapat mengenal pasti nilai dan etika profesional berkaitan bidang Gerontologi Asas dan Geriatrik bagi melahirkan murid yang penyayang dan bersikap positif. Murid juga mempelajari tentang prospek kerjaya dalam industri penjagaan warga emas dan kaitan kelestarian dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
2.0	Proses Penuaan	Murid mempelajari kitaran hidup dan proses penuaan berdasarkan perubahan fizikal, fisiologi dan psikososial. Murid juga dapat menzahirkan idea menerusi rekacipta set simulasi penuaan secara kreatif untuk mengalami proses penuaan.

Tingkatan 4		
MODUL	PENERANGAN	
3.0	Persekitaran Mesra dan Selamat Warga Emas	Murid mempelajari tentang ciri persekitaran mesra dan selamat warga emas serta menggunakan instrumen penilaian berkaitan. Murid juga menzahirkan idea menerusi rekaan lakaran pelan ruang lantai mesra dan selamat warga emas.
4.0	Keperluan Asas Fizikal Warga Emas	Murid memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan pelbagai keperluan asas warga emas iaitu kebersihan diri, pemakanan, eliminasi dan kesihatan tidur.
5.0	Perkhidmatan Warga Emas	Murid mempelajari kewujudan pelbagai jenis perkhidmatan warga emas merangkumi kesihatan, sosial dan penjagaan jangka panjang. Murid juga dapat melaksanakan lawatan ke pusat jagaan warga emas serta menghasilkan pendokumentasian lawatan.

Jadual 9 : Penerangan Modul KSSM MPV Gerontologi Asas dan Geriatrik Tingkatan 5

Tingkatan 5		
MODUL	PENERANGAN	
6.0	Saringan dan Penilaian Asas warga emas	Murid mempelajari jenis saringan dan penilaian asas warga emas yang merangkumi aspek kesihatan fizikal dan mental serta hubungan sosial. Murid juga dapat melaksanakan penilaian berdasarkan instrumen saringan berkaitan.
7.0	Pengurusan Geriatrik	Murid mempelajari kemahiran pengurusan geriatrik berkaitan mobiliti, insiden jatuh dan demensia. Murid juga dapat menghasilkan lakaran peralatan adaptasi warga emas serta bahan rangsangan untuk pesakit demensia.

Tingkatan 5		
MODUL	PENERANGAN	
8.0	Projek Keusahawanan	Murid mendapat pendedahan berkenaan keusahawanan dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas. Murid juga mempelajari proses pemasaran dan pengendalian projek keusahawanan yang dipilih melalui rancangan perniagaan yang dirancang.

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 4

1.0 PENGENALAN KEPADA GERONTOLOGI ASAS DAN GERIATRIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Penuaan di Malaysia	Murid boleh: <ul style="list-style-type: none"> 1.1.1 Mengenal pasti maksud Gerontologi dan Geriatrik. 1.1.2 Menjelaskan penuaan di Malaysia. 1.1.3 Menerangkan faktor yang mempengaruhi peningkatan populasi warga emas. 1.1.4 Meramalkan implikasi peningkatan populasi warga emas. 1.1.5 Menghasilkan brosur tentang inisiatif negara ke arah negara tua berdasarkan peningkatan populasi warga emas. 	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Menonton tayangan slaid atau video berkaitan warga emas. • Membentangkan perbandingan statistik peratusan warga emas antara negara dengan melayari internet. • Perbincangan tentang inisiatif ke arah negara tua menjelang tahun 2030. Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Penuaan di Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> ○ Penuaan sihat ○ Penuaan positif ○ Penuaan aktif ○ Penuaan produktif ○ Penuaan menyokong

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.2 Nilai dan Etika Profesional	1.2.1 Mengenal pasti nilai dan etika profesional dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas. 1.2.2 Menjelaskan nilai dan etika profesional dalam prospek kerjaya bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas: i) Kesihatan ii) Pendidikan iii) Perkhidmatan 1.2.3 Mengaplikasi etika perilaku komunikasi lisan dan bukan lisan ketika berinteraksi dengan warga emas. 1.2.4 Menilai kesan stigma dan diskriminasi terhadap warga emas.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan maklumat prospek kerjaya daripada pelbagai sumber menggunakan TMK. • Menjawab instrumen psikometrik tentang nilai dan etika profesional. • Lakon peranan sebagai warga emas dan penjaga berdasarkan situasi. • Menonton video tentang cara berkomunikasi yang berkesan dengan warga emas. Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Menangani Tingkahlaku Mencabar: <ul style="list-style-type: none"> ○ Orientasi realiti ○ Pengesahan ○ Terapi kenangan • Contoh nilai: jujur, menghormati, menjaga aib warga emas

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.3 Keselamatan di Tempat Kerja	1.3.1 Mengenal pasti peraturan keselamatan diri, alat kelengkapan dan tempat kerja. 1.3.2 Menerangkan budaya kerja selamat di tempat kerja dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas. 1.3.3 Menilai amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja berdasarkan situasi. 1.3.4 Menghasilkan bahan promosi amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja menggunakan TMK.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan dokumentasi dasar dan perundangan yang sedang berkuatkuasa secara berkumpulan. • Mengadakan ceramah tentang keselamatan dan perlindungan alam sekitar. Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Sektor industri pembuatan <ul style="list-style-type: none"> ○ Sarung tangan ○ Ubat-ubatan • Sektor industri perkhidmatan • Pelupusan sisa klinikal
1.4 Pemeliharaan Alam Sekitar dalam Bidang Penjagaan Sosial dan Kesihatan Warga Emas	1.4.1 Mengenal pasti prosedur pengurusan sisa klinikal oleh institusi penjagaan warga emas. 1.4.2 Menilai kesan pengabaian pengurusan sisa klinikal terhadap alam sekitar. 1.4.3 Mencadangkan langkah penambahbaikan prosedur pengurusan sisa klinikal bagi institusi penjagaan warga emas.	

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti maksud Gerontologi dan Geriatrik.
2	Menerangkan amalan keselamatan serta nilai dan etika profesional dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
3	Mengaplikasikan amalan keselamatan serta nilai dan etika profesional dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas.
4	Menganalisis kesan amalan nilai dan etika profesional dalam kelestarian bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas berdasarkan situasi secara sistematik.
5	Menilai kesan amalan nilai dan etika profesional dalam kelestarian dalam bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas mengikut prosedur yang sistematik dan bersikap positif.
6	Menghasilkan pendokumentasian berkaitan bidang penjagaan sosial dan kesihatan warga emas mengikut prosedur, secara kreatif dan boleh diteladani.

2.0 PROSES PENUAAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Kitaran Kehidupan dan Proses Penuaan	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Menyatakan maksud warga emas dan tahap perkembangan warga emas berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Tua muda ii) Tua pertengahan iii) Tua tua iv) <i>Centenarian</i> <p>2.1.2 Menerangkan kitaran kehidupan dan proses penuaan.</p> <p>2.1.3 Menjelaskan konsep usia warga emas dari aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Kronologi ii) Biologi iii) Psikologi iv) Sosial v) Kefungsian 	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tayangan video proses kitaran kehidupan. • Menghasilkan pendokumentasian perkembangan kitaran kehidupan berdasarkan situasi. • Perbincangan kumpulan contoh perbezaan konsep umur warga emas. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tua muda (65-74 tahun) • Tua pertengahan (75-84 tahun) • Tua tua (85 tahun dan ke atas) • <i>Centenarian</i> (100 tahun ke atas)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.2 Perubahan Fizikal dan Fisiologi	<p>2.2.1 Mengenal pasti perubahan fizikal warga emas.</p> <p>2.2.2 Menerangkan perubahan fisiologi dan kesan ke atas warga emas:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sensori ii) Perkumuhan iii) Penghadaman iv) Muskuloskeletal <p>2.2.3 Melaksanakan simulasi perubahan fizikal dan fisiologi warga emas.</p> <p>2.2.4 Mencadangkan adaptasi terhadap perubahan fizikal dan fisiologi warga emas.</p> <p>2.2.5 Mereka cipta set simulasi penuaan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Main peranan sebagai warga emas dan penjaga: <ul style="list-style-type: none"> ○ Membuat simulasi gaya berjalan. ○ Menutup mata ketika berjalan. ○ Menyumbat telinga dengan kapas semasa berkomunikasi. ○ Menutup rapat hidung supaya hilang deria bau. • Menyediakan jadual latihan ke tandas untuk setiap jam. • Melakar dan mereka cipta set simulasi penuaan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.3 Perubahan Psikososial	<p>2.3.1 Menerangkan perubahan psikososial warga emas dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kognitif ii) Emosi iii) Personaliti iv) Hubungan dan Peranan Sosial <p>2.3.2 Menjelaskan implikasi perubahan psikososial ke atas kesihatan mental warga emas.</p>	<p>Contoh Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Simulasi cara menangani warga emas yang mengalami perubahan psikologi. • Main peranan • <i>Hot seat</i> • Melakar peta <i>i-Think</i> • Tayangan video pelbagai situasi sosial warga emas.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti proses penuaan.
2	Menjelaskan kitaran kehidupan dan jenis perubahan proses penuaan.
3	Menghasilkan set simulasi penuaan dan melaksanakan simulasi proses penuaan.
4	Membandingkan konsep usia berdasarkan perubahan proses penuaan secara rasional.
5	Mencadangkan adaptasi terhadap perubahan proses penuaan berdasarkan situasi mengikut prosedur dan bersikap positif.
6	Mereka cipta set simulasi penuaan dengan lengkap mengikut prosedur, secara kreatif dan boleh diteladani.

3.0 PERSEKITARAN MESRA DAN SELAMAT WARGA EMAS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Persekitaran Mesra dan Selamat Warga Emas di Tempat Kediaman	Murid boleh: 3.1.1 Menyatakan maksud mesra dan selamat warga emas. 3.1.2 Menjelaskan ciri persekitaran mesra dan selamat warga emas berdasarkan ruang di tempat kediaman: i) Dapur ii) Bilik mandi iii) Ruang tamu iv) Ruang makan v) Laluan tangga 3.1.3 Menghuraikan faktor persekitaran mesra dan selamat warga emas di tempat kediaman. 3.1.4 Menilai ruang persekitaran mesra dan selamat warga emas di tempat kediaman. 3.1.5 Membuat justifikasi susun atur peralatan yang mesra dan selamat warga emas. 3.1.6 Melakar pelan lantai ruang di tempat kediaman yang mesra dan selamat warga emas berdasarkan situasi.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian persekitaran menggunakan Penilaian <i>Home FAST</i>. • Menghasilkan prototaip pelan lantai ruang tempat kediaman. Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Ciri susun atur peralatan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Mudah alih ○ Ergonomik ○ Boleh laras ○ Mudah dicapai ○ Minima kegunaan tenaga fizikal • Faktor persekitaran: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pengudaraan ○ Pencahayaan ○ Peralatan dan kelengkapan ○ Warna ○ Lantai dan penutup lantai • Aspek keselamatan

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti maksud persekitaran mesra dan selamat warga emas.
2	Menerangkan ciri persekitaran mesra dan selamat warga emas berdasarkan ruang di tempat kediaman.
3	Menyesuaikan faktor persekitaran mesra dan selamat warga emas di tempat kediaman berdasarkan situasi.
4	Menganalisis ruang persekitaran mesra dan selamat warga emas di tempat kediaman berdasarkan instrumen penilaian yang berkaitan dengan tepat.
5	Mencadangkan susun atur peralatan yang sesuai bagi persekitaran mesra dan selamat warga emas mengikut prosedur dan secara positif.
6	Menghasilkan pelan lantai ruang di tempat kediaman yang mesra dan selamat warga emas dengan lengkap berdasarkan situasi secara kreatif, mengikut prosedur dan boleh diteladani.

4.0 KEPERLUAN ASAS FIZIKAL WARGA EMAS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Kebersihan Diri	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menyatakan tujuan penjagaan kebersihan dan dandanan diri.</p> <p>4.1.2 Menjelaskan 7 langkah mencuci tangan oleh penjaga warga emas.</p> <p>4.1.3 Melaksana langkah kerja penjagaan kebersihan dan dandanan diri mengikut keupayaan warga emas berkaitan:</p> <p>i) Penjagaan oral</p> <p>ii) Mandi</p> <p>iii) Mencuci rambut</p> <p>iv) Dandanan</p> <p>4.1.4 Menilai kesesuaian peralatan adaptasi penjagaan kebersihan dan dandanan diri warga emas.</p> <p>4.1.5 Menentukan anggaran kos perkhidmatan penjagaan kebersihan dan dandanan diri.</p> <p>4.1.6 Menghasilkan lakaran rekaan pakaian dan peralatan adaptasi yang sesuai untuk warga emas.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tayangan video amali: <ul style="list-style-type: none"> ○ Mencuci tangan penjaga ○ Memberus gigi ○ Mencuci gigi palsu ○ Mandi di atas katil ○ Mandi di dalam bilik air ○ Mencuci rambut ○ Memotong kuku ○ Membuka dan memakai pakaian ○ Menyapu losen pada kulit • Melaksanakan amali mengikut keupayaan warga emas. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahap keupayaan warga emas. • 7 langkah mencuci tangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. • Pengiraan kos perkhidmatan. • Pemilihan sabun mandi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.2 Pemakanan Warga Emas	4.2.1 Menyatakan maksud malnutrisi. 4.2.2 Menerangkan keperluan pemakanan seimbang warga emas. 4.2.3 Menjelaskan kaedah pengukuran antropometri: i) Indeks Jisim Tubuh (BMI) ii) Nisbah ukur lilit pinggang dan pinggul 4.2.4 Menerangkan faktor risiko malnutrisi dalam kalangan warga emas. 4.2.5 Menentukan menu dan panduan penyediaan diet seimbang mengikut tahap kesihatan warga emas: i) Hipertensi ii) Diabetes Melitus 4.2.6 Memaparkan teknik menyuap makanan kepada warga emas. 4.2.7 Mentaksir anggaran kos perkhidmatan penyediaan makanan warga emas. 4.2.8 Menghasilkan hidangan berdasarkan menu yang dicipta mengikut tahap kesihatan warga emas.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Melukis poster berkaitan malnutrisi. • Menghasilkan kad menu. • Memasak, menghias dan menghidang makanan. • Amali menyuap makanan kepada warga emas. • Membuat anggaran pengiraan kos. • Melakar dan mereka cipta peralatan adaptasi menyuap makanan. Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Jenis nutrien, fungsi dan sumber. • Kaedah pengukuran antropometri. • Prosedur penyediaan makanan. • Kaedah memasak • Cara potongan bahan makanan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.3 Eliminasi	<p>4.3.1 Menyatakan maksud eliminasi, perineum dan inkontinens.</p> <p>4.3.2 Menerangkan jenis, faktor dan saranan pencegahan inkontinens.</p> <p>4.3.3 Menjelaskan posisi selesa dan selamat untuk memudahkan eliminasi.</p> <p>4.3.4 Menunjuk cara kaedah penggunaan alatan proses eliminasi.</p> <p>4.3.5 Memaparkan langkah kerja eliminasi di atas katil dan pengurusan inkontinens bagi warga emas berupaya dan kurang berupaya.</p> <p>4.3.6 Mempertimbangkan aspek kebersihan langkah kerja mencuci perineum dan pengurusan inkontinens.</p> <p>4.3.7 Menjustifikasi kepentingan amalan kontinens dalam kalangan warga emas.</p> <p>4.3.8 Mentaksir anggaran kos perkhidmatan mencuci perineum.</p> <p>4.3.9 Merumuskan pemilihan lampin yang sesuai dengan tahap keupayaan warga emas.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Demonstrasi posisi selesa dan selamat untuk memudahkan eliminasi. • Melaksana amali: <ul style="list-style-type: none"> ○ Eliminasi di atas komod. ○ Eliminasi di atas katil ○ Menukar lampin. • Melakar dan mereka cipta peralatan eliminasi. • Membuat jadual latihan ke tandas. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis inkontinens: <ul style="list-style-type: none"> ○ Inkontinens tekanan ○ Inkontinens kefungsiian • Senaman Kegel • Jenis lampin dewasa

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.4 Kesihatan Tidur (Sleep Hygiene)	4.4.1 Menyatakan maksud kesihatan tidur dan insomnia. 4.4.2 Menerangkan amalan yang mempengaruhi kualiti tidur dalam kalangan warga emas. 4.4.3 Menyediakan tempat tidur yang kondusif untuk warga emas. 4.4.4 Membezakan posisi tidur warga emas mengikut tahap keselesaan warga emas. 4.4.5 Mencadangkan amalan sebelum tidur untuk mendapatkan tidur yang berkualiti.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Amali penyediaan tempat tidur menggunakan senarai semak. • Demonstrasi posisi tidur yang selesa. • Menghasilkan poster/ brosur amalan kesihatan tidur menggunakan TMK Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Persekitaran bilik tidur • Persediaan tempat tidur <ul style="list-style-type: none"> ○ Palang tepi katil ○ ketinggian katil ○ Jenis tilam dan bantal ○ Jenis fabrik set cadar • Tahap keselesaan warga emas <ul style="list-style-type: none"> ○ Sihat ○ Mengalami masalah kesihatan

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti aspek keperluan asas fizikal warga emas.
2	Menjelaskan pengetahuan dan kemahiran keperluan asas fizikal warga emas.
3	Mengaplikasikan langkah kerja keperluan asas fizikal warga emas.
4	Menganalisis langkah kerja keperluan asas fizikal warga emas mengikut tahap keupayaan warga emas mengikut prosedur yang bersistematik.
5	Mempertimbangkan aspek keselamatan dan kebersihan semasa langkah kerja keperluan asas fizikal warga emas mengikut prosedur yang bersistematik dan positif.
6	Menyediakan brosur langkah kerja keperluan asas fizikal warga emas mengikut tahap keupayaan warga emas menggunakan TMK secara kreatif, positif dan boleh diteladani.

5.0 PERKHIDMATAN WARGA EMAS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.1 Perkhidmatan Kesihatan	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menyatakan tahap perkhidmatan kesihatan warga emas yang terdapat di Malaysia.</p> <p>5.1.2 Menerangkan perkhidmatan rehabilitasi dan paliatif serta kepentingannya.</p> <p>5.1.3 Mencadangkan keperluan untuk perancangan penjagaan lanjutan (Advanced Care Planning) berdasarkan situasi warga emas.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Carta alir perkhidmatan warga emas mengikut kes. • Tayangan slaid tentang pusat rehabilitasi dan paliatif. • Pembentangan kumpulan tentang perkhidmatan rehabilitasi dan paliatif. • Merancang ACP berdasarkan situasi/ tayangan video <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kes yang dirujuk mengikut tahap perkhidmatan kesihatan. • Peralatan adaptasi yang terdapat di pusat rehabilitasi. • ACP iaitu perancangan perundangan dan wasiat.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.2 Perkhidmatan Sosial	5.2.1 Menyatakan tujuan perkhidmatan sosial untuk warga emas. 5.2.2 Menerangkan jenis perkhidmatan sosial untuk warga emas di Malaysia: i) Kerja sosial ii) Penjagaan personal iii) Perlindungan/ sokongan sosial 5.2.3 Membezakan peranan agensi yang terlibat dalam perkhidmatan sosial. 5.2.4 Merancang pelan kehidupan di hari tua.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Merangka bod visi jaminan sosial hari tua <ul style="list-style-type: none"> ○ Simpanan kewangan/ harta ○ Kerohanian ○ Sosial ○ Kesihatan • Mencari maklumat menggunakan TMK agensi yang terlibat dalam perkhidmatan sosial • Mengisi borang wasiat Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Agensi yang terlibat: <ul style="list-style-type: none"> ○ JKM ○ Baitulmal ○ Pusat Zakat ○ NGO

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.3 Perkhidmatan Penjagaan Jangka Panjang	5.3.1 Menyatakan maksud penjagaan jangka panjang. 5.3.2 Menjelaskan jenis dan peranan perkhidmatan penjagaan jangka panjang: i) Penjagaan di rumah ii) Penjagaan dalam komuniti iii) Penjagaan dalam institusi iv) Penjagaan respit 5.3.3 Mencerakinkan satu kontinum penjagaan jangka panjang berdasarkan tahap kefungsiannya warga emas.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan <ul style="list-style-type: none"> ○ Kertas kerja lawatan ke pusat penjagaan ○ Surat kebenaran lawatan ○ Laporan Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Peranan pusat penjagaan warga emas: <ul style="list-style-type: none"> ○ Rumah Seri Kenangan ○ Rumah Ehsan ○ Rumah Orang Tua Islam tidak berwaris ○ Pusat Penjagaan warga emas swasta ○ Pusat Aktiviti Warga Emas • Kontinum bermaksud struktur atau ciri yang berterusan yang tidak harus dipisahkan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti perkhidmatan warga emas di Malaysia.
2	Menjelaskan perkhidmatan warga emas di Malaysia.
3	Menghasilkan perancangan penjagaan lanjutan berdasarkan perkhidmatan warga emas di Malaysia berdasarkan situasi.
4	Membezakan peranan agensi yang terlibat dalam perkhidmatan warga emas di Malaysia dengan jelas.
5	Mencadangkan penjagaan jangka panjang berdasarkan tahap kefungsiannya warga emas secara rasional dan positif.
6	Merancang pelan penjagaan jangka panjang berdasarkan tahap kefungsiannya warga emas menggunakan TMK secara sistematik, positif dan boleh diteladani.

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 5

6.0 SARINGAN DAN PENILAIAN ASAS WARGA EMAS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>6.1 Saringan dan Penilaian Kesihatan Fizikal</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>6.1.1 Menyatakan jenis saringan kesihatan warga emas:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Tekanan darah ii) Denyutan nadi iii) Suhu badan iv) Kadar pernafasan v) Paras gula <p>6.1.2 Menerangkan tanda vital penilaian kesihatan fizikal warga emas.</p> <p>6.1.3 Menjelaskan simptom dan kesan paras gula yang tidak normal.</p> <p>6.1.4 Melaksana saringan kesihatan warga emas bagi tekanan darah, denyutan nadi, suhu badan dan kadar pernafasan.</p> <p>6.1.5 Menilai skor saringan kesihatan warga emas.</p> <p>6.1.6 Menentukan tahap kefungsi fizikal warga emas menggunakan instrumen <i>Activities of Daily Living</i> (ADL).</p> <p>6.1.7 Menyediakan jadual aktiviti harian berdasarkan skor tahap kefungsi fizikal untuk warga emas.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengukur tahap kefungsi (ADL). • Membuat jadual aktiviti harian. • Menjalankan saringan kesihatan tekanan darah, denyutan nadi, suhu badan dan kadar pernafasan. • Menggunakan alatan saringan kesihatan digital (alat mengukur tekanan darah, termometer digital) <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai semak tanda vital penilaian kesihatan fizikal. • Prosedur menjalankan saringan kesihatan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>6.2 Saringan dan Penilaian Kesihatan Mental</p> <p>6.3 Hubungan Sosial</p>	<p>6.2.1 Menyatakan kaedah saringan kesihatan mental dari aspek kognitif dan kemurungan.</p> <p>6.2.2 Menggunakan instrumen saringan kesihatan mental.</p> <p>6.2.3 Menilai kesihatan mental berdasarkan tafsiran skor saringan.</p> <p>6.2.4 Merancang aktiviti untuk meningkatkan kesihatan mental warga emas.</p> <p>6.3.1 Menyatakan jenis hubungan sosial.</p> <p>6.3.2 Menterjemahkan model hubungan sosial berdasarkan situasi.</p> <p>6.3.3 Memeriksa hubungan sosial warga emas menggunakan instrumen saringan sokongan sosial.</p> <p>6.3.4 Menilai hubungan sosial warga emas berdasarkan tafsiran skor saringan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan soal selidik menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Lubben Social Network Scale</i> (LSNS) ○ Profil sosial warga emas • Menterjemah hubungan sosial menggunakan <i>Convoy Model</i> atau <i>Family Tree</i> • Menghasilkan aktiviti seperti dam gergasi. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan instrumen: <ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Elderly Cognitive Assessment Questionnaire</i> (ECAQ) ○ <i>Geriatric Depression Scale</i> (GDS) • Jenis hubungan sosial: <ul style="list-style-type: none"> ○ Hubungan kekeluargaan ○ Hubungan persahabatan ○ Hubungan intim

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti jenis saringan dan penilaian asas warga emas.
2	Menerangkan langkah saringan dan penilaian asas warga emas.
3	Mengaplikasikan langkah saringan dan penilaian asas warga emas.
4	Menilai hasil tafsiran bacaan saringan dan penilaian asas warga emas dengan tepat.
5	Menentukan aktiviti harian warga emas berdasarkan tafsiran skor saringan dan penilaian asas warga emas dengan tepat dan bersistematik.
6	Menghasilkan aktiviti harian warga emas berdasarkan tafsiran skor saringan dan penilaian asas warga emas secara kreatif, bersistematik dan boleh diteladani.

7.0 PENGURUSAN GERIATRIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
7.1 Mobiliti	<p>Murid boleh:</p> <p>7.1.1 Mengenal pasti keperluan mobiliti.</p> <p>7.1.2 Menerangkan masalah mobiliti.</p> <p>7.1.3 Menunjukkan langkah kerja mengangkat dan mengalih warga emas dengan mengamalkan aspek keselamatan:</p> <p>i) Posisi baringan di atas katil</p> <p>ii) Kedudukan baring yang melorot</p> <p>iii) Dari katil ke kerusi</p> <p>iv) Dari kerusi ke komod</p> <p>v) Dari kerusi ke komod dengan papan gelangsar</p> <p>7.1.4 Menunjuk cara penggunaan peralatan mobiliti secara selamat.</p> <p>7.1.5 Memilih senaman yang sesuai mengikut tahap kefungsiian warga emas.</p> <p>7.1.6 Melakar peralatan adaptasi mobiliti mesra warga emas.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Simulasi mobiliti secara berpasangan • Situasi keperluan bantuan mobiliti • Demonstrasi penggunaan peralatan bantuan mobiliti • Menunjuk cara prinsip mekanik badan yang betul • Amali naik dan turun tangga <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah mobiliti: <ul style="list-style-type: none"> ○ Kudis tekanan (bedsore) ○ Otot mengecut ○ Lumpuh ○ Sakit sendi/ otot

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
7.2 Insiden Jatuh	<p>7.2.1 Menyatakan maksud ketidakstabilan gaya jalan.</p> <p>7.2.2 Menerangkan faktor yang menyebabkan insiden jatuh dan kesannya kepada warga emas.</p> <p>7.2.3 Menunjuk cara pengendalian insiden jatuh.</p> <p>7.2.4 Menunjukkan rawatan kecemasan disebabkan oleh insiden jatuh.</p> <p>7.2.5 Mencadangkan langkah pencegahan insiden jatuh dalam kalangan warga emas menggunakan TMK.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amali simulasi jatuh sendiri • Amali Resusitasi Kardio Pulmonari (CPR) • Lakonan jenis gaya jalan • Demonstrasi <i>Heimlick Manueveur</i> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesan insiden jatuh: <ul style="list-style-type: none"> ○ Takut untuk bergerak ○ Keretakan pinggul ○ Peningkatan kebergantungan ○ <i>Head Trauma</i> • Langkah Pencegahan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Senaman ○ Ubatan ○ Ubahsuai persekitaran ○ Pembedahan • Faktor Insiden Jatuh <ul style="list-style-type: none"> ○ Individu ○ Persekitaran

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
7.3 Demensia	7.3.1 Menyatakan maksud demensia. 7.3.2 Menjelaskan individu yang berisiko tinggi mengalami demensia. 7.3.3 Menerangkan jenis dan simptom demensia: i) Demensia penyakit Alzheimers ii) Demensia Vaskular 7.3.4 Menilai komplikasi sekiranya demensia tidak dikesan dengan awal. 7.3.5 Mencedangkan langkah pencegahan demensia berdasarkan situasi. 7.3.6 Menjana idea dalam menghasilkan bahan rangsangan untuk membantu pesakit demensia.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Bercerita dan perkongsian pengalaman. • Mencari maklumat berkaitan demensia dari pelbagai sumber. • Menghasilkan bahan rangsangan seperti <i>busy book/ silent book, demensia book/ selimut/ sarung bantal/busy board</i> Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Pencegahan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Senaman otak seperti membaca, menulis, sudoku, bersosial. ○ Senaman ○ Pemakanan sihat ○ Elakkan komunikasi satu hala seperti menonton televisyen

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti jenis pengurusan geriatrik.
2	Menerangkan jenis pengurusan geriatrik.
3	Mengaplikasikan langkah kerja pengurusan geriatrik berdasarkan situasi.
4	Menganalisis langkah pencegahan yang sesuai dengan masalah geriatrik secara bersistematik.
5	Menentukan kaedah pengurusan geriatrik mengikut tahap kefungsiian dan situasi warga emas secara bersistematik dan positif.
6	Menghasilkan bahan rangsangan dan lakaran peralatan adaptasi pengurusan geriatrik secara positif, kreatif dan boleh diteladani.

8.0 PROJEK KEUSAHAWANAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
8.1 Pengenalan Keusahawanan	<p>Murid boleh:</p> <p>8.1.1 Menyatakan maksud peniaga, perniagaan, usahawan dan keusahawanan.</p> <p>8.1.2 Mengenal pasti ciri milikan tunggal, perkongsian dan syarikat berhad.</p> <p>8.1.3 Menerangkan keperluan bagi usahawan untuk memulakan perniagaan.</p> <p>8.1.4 Menentukan agensi yang berperanan untuk membantu usahawan.</p> <p>8.1.5 Menghuraikan prosedur pendaftaran perniagaan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tayangan video berkaitan peniaga dan usahawan. • Menghasilkan pembentangan tentang usahawan/ pengusaha pusat jagaan warga emas menggunakan TMK. • Menghasilkan brosur berkaitan agensi yang berperanan membantu pembangunan usahawan. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur pendaftaran perniagaan yang ditetapkan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
8.4 Projek Keusahawanan	8.4.1 Melaksanakan analisis keperluan berdasarkan bentuk perkhidmatan atau produk yang ditawarkan. 8.4.2 Menghasilkan carta alir pengendalian perkhidmatan atau produk yang dipilih. 8.4.3 Mempersembahkan projek keusahawanan berkaitan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan kaji selidik di kawasan setempat • Mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber berkaitan permintaan perkhidmatan penjagaan warga emas • Contoh perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pemandu dan peneman warga emas: <ul style="list-style-type: none"> i. Ambil lesen memandu ii. Daftar syarikat iii. Promosi pemasaran iv. Menjalankan perkhidmatan • Contoh produk: <ul style="list-style-type: none"> ○ Bahan rangsangan pesakit demensia. ○ Inovasi peralatan adaptasi. ○ Set simulasi penuaan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti ciri milikan perniagaan.
2	Menerangkan ciri milikan dan perkara yang terkandung dalam rancangan perniagaan.
3	Menyediakan bahan promosi, rancangan perniagaan dan projek keusahawanan berdasarkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan.
4	Menganalisis bahan promosi, rancangan perniagaan dan projek keusahawanan berdasarkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan secara bersistematik.
5	Menilai bahan promosi, rancangan perniagaan dan projek keusahawanan berdasarkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan secara kreatif dan bersistematik.
6	Menghasilkan bahan promosi, rancangan perniagaan dan projek keusahawanan berdasarkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan secara kreatif, bersistematik dan boleh diteladani.

PANEL PENGGUBAL

- | | | |
|-----|---|---|
| 1. | Raudah binti Hj Majid | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Nor'Aqilah binti Ahmad Zabidi | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Prof. Madya Dr. Rahimah binti Ibrahim | Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia |
| 4. | Prof. Madya Dr. Halimatus Sakhdiah binti Minhat | Institut Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia |
| 5. | Dr. Asmidah binti Ashaari | Institut Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia |
| 6. | Dr. Nor I'zzati binti Saedon | Pusat Perubatan Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur |
| 7. | Alwardah binti Dolhalit | SMK Seksyen 24(2), Shah Alam, Selangor |
| 8. | Mohd Sani bin AG Man | SMK Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan |
| 9. | Nor Hasmida binti Mohd Noor | SMK Tasek Utara 2, Johor Bahru, Johor |
| 10. | Sharifah Noor Zafran binti Syed Ali | SMK Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan |

TURUT MENYUMBANG

- | | | |
|----|----------------------------------|--|
| 1. | Mohamad Zaihan bin Zainal Abidin | Lembaga Peperiksaan |
| 2. | Maslitah binti Latip | SMK Seksyen 24(2), Shah Alam, Selangor |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah Binti Syed Khalid
Nur Fadia Binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin
Abd Razak bin Mohammed

Pereka Grafik

Siti Zulikha Binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-517-1



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>